

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Pemberitahuan Produk ini memberikan maklumat penting mengenai insurans pemilik rumah dan penghuni rumah anda.

Liberty General Insurance Berhad
197801007153 (44191-P)

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; anda juga patut membacanya.

Tarikh: 12/2025

1 Apakah HomeOne?

BizOne Loss of Profit melindungi harta anda daripada kerugian atau kerosakan akibat kebakaran, kilat, letupan yang disebabkan oleh gas untuk kegunaan domestik, banjir, paip pecah atau mana-mana peril yang dinyatakan dalam polisi insurans. Selain menawarkan perlindungan/manfaat yang sama seperti dalam polisi Pemilik Rumah/Penghuni Rumah konvensional, polisi ini direka untuk menanggung kos/komitmen kewangan anda yang mungkin berterusan selepas berlakunya kerugian/kerosakan pada rumah anda. Polisi ini turut menawarkan perlindungan tambahan seperti berikut:

- Elaun Kesulitan
- Penggunaan Kad Mesin Juruwang Automatik (ATM), Kad Debit atau Kad Kredit/Caj ("Kad") secara tidak dibenarkan/menyalahi undang-undang/di bawah paksaan
- InstallmentGuard
- Elaun Permulaan Baharu

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan pembayaran **RM483.80** [setahun] anda akan menerima **perlindungan** insurans berikut dengan Jumlah Diinsuranskan Seksyen I – **RM500,000** dan Seksyen II – **RM10,000** jika harta anda didiami sebagai Kediaman Peribadi dan Klasifikasi Pembinaan Bangunan C1A:

Polisi ini melindungi :	Polisi ini tidak melindungi :
Kerugian atau kerosakan pada harta yang diinsuranskan di bawah Seksyen I dan/atau Seksyen II disebabkan oleh kebakaran, kilat, petir, letupan akibat daripada gas yang digunakan untuk tujuan domestik, kapal terbang, hentaman kenderaan darat atau haiwan, paip atau tangki air yang pecah atau melimpah, kecurian yang disertai dengan pecah masuk atau pecah keluar secara paksa dan ganas, ribut, gempa bumi dan banjir. <ul style="list-style-type: none">• Seksyen I – Pemilik Rumah: Bangunan• Seksyen II – Penghuni Rumah: Kandungan isi rumah seperti Perabot, Barangan kegunaan rumah, Peralatan elektrik, Perkakas dapur, Pakaian dan Barangan peribadi dan berharga	<ul style="list-style-type: none">• Sebarang tindakan keganasan• Pengecualian penyakit berjangkit• Pengecualian harta siber dan data• Risiko radioaktif dan tenaga nuclear• Sekatan dan pengecualian• Kebakaran bawah tanah, pencemaran atau kontaminasi• Peperangan, perang saudara, serangan, kebangkitan tentera atau perampasan kuasa, pemberontakan, revolusi• Kerugian turutan.• Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kecurian jika rumah ditinggalkan kosong melebihi 90 hari.

Dengan pembayaran premium **tambahan**, anda boleh memperluaskan perlindungan untuk merangkumi:

Seksyen I – Pemilik Rumah

- Penanggalan dan gelinciran tanah.
- Rusuhan, mogok dan kerosakan berniat jahat.
- Liabiliti kepada pihak ketiga akibat kemalangan yang berlaku di rumah anda.
- Kerugian atau kerosakan akibat hurikan, siklon, taufan atau ribut kepada cerobong asap logam, bidai kajang, papan tanda, lekapan dan kelengkapan luar termasuk pintu pagar dan pagar.
- Pengubahsuaian, pembaikan dan penambahan
- Kerosakan kepada cermin kaca.
- Barangan isi rumah dan perabot empunya blok rumah pangsa / pangsapuri / kondominium.
- Penambahan had untuk sewa.

Seksyen II – Penghuni Rumah

- Penanggalan dan gelinciran tanah.
- Rusuhan, mogok dan kerosakan berniat jahat.
- Liabiliti kepada pihak ketiga bagi kemalangan yang berlaku di rumah anda.
- Tiada berpenghuni melebihi tempoh 90 hari.
- Perlindungan Kecurian Penuh
- Penambahan had untuk sewa.

Nota: Senarai ini **tidak lengkap**. Sila rujuk kontrak polisi untuk melihat keseluruhan maklumat polisi ini.

Tempoh perlindungan adalah 1 tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan perlindungan insurans anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1 800 88 8121



Layari kami di
www.libertyinsurance.com.my



Emel kami di
customer@libertyinsurance.com.my



Imbas kod
QR di atas

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans ini berdasarkan ilustrasi, anda mesti membayar premium berikut:	
Perlindungan Asas	RM483.80 (setahun)
(+) Perlindungan Tambahan	Tidak Berkenaan
Premium Kasar	RM483.80 (setahun)
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
(+) 8% Cukai Perkhidmatan	RM38.70
(+) Duti Setem	RM10.00
Jumlah Premium Perlu Dibayar	RM532.50 (setahun)
Di mana ini termasuk:	
Komisen	15% daripada Premium Kasar atau RM72.57
Nota:	
<ul style="list-style-type: none">• Ini adalah ilustrasi. Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung pada perlindungan polisi anda, tahap pendedahan risiko, serta kriteria pengunderaitan Liberty General Insurance Berhad.• Kadar Cukai Perkhidmatan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia.• Polisi ini tertakluk kepada premium minimum RM60.00	

4 Terma-Terma Utama Lain

<ul style="list-style-type: none">• Kewajipan pendedahan: Anda mesti mendedahkan semua fakta material yang diketahui atau patut diketahui, yang akan menjejaskan pertimbangan pengunderaitan kami terhadap cadangan anda, seperti insurans dan sejarah kerugian anda. Anda mesti mendedahkan semua fakta yang relevan dengan jujur dan lengkap dalam borang permohonan insurans anda.• Perubahan Risiko: Anda mesti memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan material sepanjang tempoh polisi. Ini bagi memastikan pindaan yang diperlukan boleh dibuat dan didokumenkan dalam polisi insurans anda.• Kepentingan insurans: Anda mesti mempunyai kepentingan yang boleh diinsuranskan dalam harta benda yang diinsuranskan. Ini bermaksud anda akan mengalami kerugian kewangan jika harta benda tersebut hilang atau rosak.• Jumlah Diinsuranskan: Anda harus memastikan jumlah yang diinsuranskan adalah mencukupi dan pada amaun yang berpatutan:<ul style="list-style-type: none">– Untuk Seksyen I, anda mesti memastikan bahawa bangunan anda diinsuranskan pada jumlah yang bersesuaian dengan mengambilkira pengubahsuaian yang dilakukan kepada bangunan anda. Anda boleh menggunakan Kalkulator Kos Bangunan https://bcc.piam.org.my/ sebagai rujukan.– Untuk Seksyen II anda mesti memastikan bahawa nilai kandungan anda sentiasa dikaji semula dan dikemas kini. Jika tidak, anda akan dianggap sebagai menanggung sendiri perbezaan tersebut dan mengikut kadar yang setimpal dengan kerugian itu.• Untuk Seksyen II:<ul style="list-style-type: none">– Tidak ada satu barang pun (tidak termasuk perabot, pianos, organ, peralatan rumahtangga, radio, set televisyen, set perakam video, peralatan Hi-Fi) hendaklah dianggap mempunyai nilai lebih besar daripada 5 peratus daripada Keseluruhan Jumlah Yang Diinsuranskan ke atas Kandungan kecuali barangan sedemikian secara khusus diisytiharkan sebagai butiran yang berasingan.– Jumlah nilai barang platinum, emas dan perak, barang kemas dan bulu binatang hendaklah dianggap tidak melebihi satu per tiga daripada Keseluruhan Jumlah Yang Diinsuranskan ke atas Kandungan.• Lebihan: Jumlah kerugian yang perlu anda tanggung sebelum kami menanggung kerugian anda.• Premium: Jumlah premium perlu dibayar dan diterima oleh Liberty General Insurance Berhad dalam tempoh 60 hari dari tarikh bermulanya polisi ini. Kegagalan membayar premium tersebut pada tempoh masa yang ditetapkan akan menyebabkan pembatalan kontrak serta-merta dan kami berhak ke atas jumlah pro-rata premium sepanjang tempoh anda di dalam risiko.• Tuntutan: Anda mesti memaklumkan kami segera tentang sebarang tuntutan dan mengambil langkah yang munasabah untuk meminimumkan kerugian atau kerosakan.
Nota: Senarai ini tidak lengkap . Anda digalakkan untuk merujuk polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya batalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan notis bertulis kepada kami. Sewaktu pembatalan anda layak untuk mendapat sebahagian bayaran balik premium.
- Tiada bayaran balik premium jika premium minimum dibayar atau tuntutan telah dibuat ke atas polisi.
- Untuk maklumat sepenuhnya mengenai bayaran balik pembatalan, sila rujuk kepada kontrak polisi.